

UNIVERSITI MALAYA

Pejabat Kluster Penyelidikan

Garis Panduan UMRG

UNIVERSITI OF MALAYA RESEARCH GRANT (UMRG) GUIDELINE

Garis Panduan Geran Penyelidikan Universiti Malaya

Pejabat Kluster Penyelidikan
Aras 7 • Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaya
Telefon 03-7967 7800/7801/7802/7804/7805/7806/7807/7809 • Fax 03-7967 7813

Senarai Kandungan

1. Latar Belakang Peruntukan UMRG	1
2. Jenis-Jenis Geran Penyelidikan	1
2.1 UMRG (Program)	1
2.2 UMRG (Projek).....	2
3. Tujuan Geran Penyelidikan Universiti Malaya	2
4. Skop Dan Bidang Penyelidikan	3
4.1 UMRG (Program)	3
4.2 UMRG (Projek).....	3
5. Syarat-Syarat Permohonan.....	4
5.1 Syarat Umum	4
5.2 Syarat Khusus.....	6
6. Pencapaian/ Hasil Penyelidikan	7
7. Format Penulisan Kertas Konsep UMRG (Program) ...	9
7.1 Latar Belakang dan Rasional Kertas Konsep	9
7.2 Deskripsi Program Penyelidikan.....	9
7.3 Kaedah Penyelidikan dan Ringkasan Bajet.....	9
7.4 Bukti Prestasi Penyelidikan (<i>track record</i>) Kumpulan Penyelidik.....	9
7.5 Jangkaan Hasil/ Output	9
8. Mekanisma Agihan Peruntukan UMRG (Program)	10
9. Pecahan Peruntukan	11
9.1 Vot 11000 Upah dan Elaun Pembantu Penyelidik ...	11
9.2 Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan	11
9.3 Vot 24000 Sewaan	11
9.4 Vot 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan.....	12
9.5 Vot 28000 Baik Pulih dan Ubah Suai.....	12
9.6 Vot 29000 Perkhidmatan	12
9.7 Vot 35000 Aksesori dan Peralatan	13
10. Nota Penting	14

Garis Panduan Geran Penyelidikan Universiti Malaya

1. *Latar Belakang Peruntukan*

Peruntukan UMRG ini diwujudkan selaras dengan hasrat universiti untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dalam usaha untuk memartabatkan Universiti Malaya sebagai sebuah Universiti Penyelidikan bertaraf dunia. Geran ini dapat menjadi platform kepada para penyelidik Universiti Malaya untuk bergiat lebih aktif dalam aktiviti penyelidikan.

2. **Jenis-Jenis Geran Penyelidikan**

Geran UMRG terbahagi kepada dua iaitu UMRG (Program) dan UMRG (Projek). Setiap penyelidik boleh menjadi Penyelidik Utama (*Principal Investigator - PI*) bagi mana-mana geran pada satu masa tertakluk kepada prestasi penyelidikan bagi geran terdahulu.

2.1 **UMRG (Program)**

Geran ini dibuka kepada pusat/kumpulan/makmal penyelidikan yang berdaftar di bawah Kluster Penyelidikan bagi meningkatkan prestasi pusat/kumpulan/makmal penyelidikan di Universiti Malaya.

Geran ini juga dibuka kepada penyelidik yang berminat untuk menjalankan penyelidikan secara berkumpulan bagi tujuan menggalakkan penyelidikan bersifat multi/inter-disiplin.

Nota

Ketua Program (KP) merujuk kepada Ketua pusat/kumpulan/makmal penyelidikan **ATAU** Individu yang dilantik bagi menyelaras program yang berkenaan dan bertanggungjawab untuk memantau perkembangan keseluruhan projek penyelidikan termasuk *Sub-program*.

Ketua Sub-Program (KSP) merujuk kepada individu yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti penyelidikan bagi sub-program dan memantau akaun yang dibuka di bawah sub-program seliaannya serta melaporkan perkembangan projek kepada Ketua Program.

2.2 UMRG (Projek)

Geran ini dibuka kepada penyelidik individu yang mempunyai prestasi penyelidikan (*track record*) yang cemerlang dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum permohonan dibuat.

3. Tujuan geran Penyelidikan Universiti Malaya

UMRG merupakan penyelidikan asas dan gunaan yang dijalankan dalam tempoh 12-36 bulan. Ia bertujuan untuk menggalakkan penerokaan idea/konsep/ teori baru yang seterusnya akan menjadi pemangkin kepada penemuan baru, perkembangan ilmu dan penciptaan yang inovatif dan terkini.

Tujuan khusus UMRG (Program) diwujudkan adalah seperti berikut:

- Memantapkan prestasi pusat/kumpulan/makmal penyelidikan dalam rangka persediaan untuk diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan (HICoE) yang tersohor di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Memantapkan bidang-bidang penyelidikan di Universiti Malaya yang tertumpu kepada nic penyelidikan strategi laut biru (*blue ocean strategy*).
- Menggalakkan penyelidikan secara berkumpulan di kalangan penyelidik Universiti Malaya.
- Membantu meningkatkan kemahiran penyelidik muda melalui konsep mentor dengan penyelidik yang mempunyai rekod penyelidikan cemerlang.

4. Skop dan Bidang Penyelidikan

4.1 UMRG (Program)

Geran Bidang penyelidikan UMRG (Program) adalah tertumpu kepada nic-nic penyelidikan yang dikenalpasti untuk dikembangkan sebagai teras utama penyelidikan di Universiti Malaya.

Keutamaan akan diberi kepada nic penyelidikan yang dikenalpasti oleh kluster masing-masing.

4.2 UMRG (Projek)

Bidang penyelidikan UMRG (Projek) adalah merangkumi penyelidikan asas dan gunaan. Bidang penyelidikan adalah berdasarkan lapan (8) Kluster Penyelidikan di Universiti Malaya seperti berikut:

- Penyelidikan Dasar Termaju
(*Advanced Fundamental Research (AFR)*)
- Kejuruteraan dan Teknologi Termaju
(*Advanced Engineering and Technology (AET)*)
- Bioteknologi dan Bioproduct
(*Biotechnology and Bioproduct (UMBIO)*)
- Kesihatan dan Perubatan Translasi
(*Health and Translational Medicine (HTM)*)
- Kemanusiaan dan Etika
(*Humanities & Ethics (H&E)*)
- Sains Komputer dan ICT
(*ICT and Computational Science (ICT)*)
- Sains Sosial dan Tabii
(*Social & Behavioral Science (SBS)*)
- Sains Kelestarian
(*Sustainability Science (SuSci)*)

5. Syarat-Syarat Permohonan

5.1 Syarat Umum

- 5.1.1 Peruntukan UMRG terbuka kepada semua kakitangan akademik Universiti Malaya (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Felo Penyelidik Kanan, Felo Penyelidik) bertaraf tetap atau kontrak.
- 5.1.2 Permohonan baru tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- a) Mengemukakan Laporan Kemajuan dan Laporan Akhir projek.
 - b) Telah membelanjakan sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah peruntukan sedia ada.
 - c) Telah menghasilkan penerbitan (*output*) penyelidikan yang memuaskan:
 - i. Bagi bidang Sains : Penerbitan bertaraf ISI yang memuaskan.
 - ii. Bagi bidang Sains Sosial : Penerbitan penyelidikan bertaraf ISI/ dua (2) bab dalam buku/ artikel jurnal berwasit seperti yang disenaraikan dalam kategori A atau B di Fakulti.
- 5.1.3 Bagi staf berstatus kontrak, layak untuk memohon dengan syarat pelantikan minimum selama 12 bulan. Projek penyelidikan yang dipohon mestilah mempunyai penyelidik bersama di kalangan staf lantikan tetap Universiti Malaya.
- 5.1.4 Projek penyelidikan yang dipohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama yang merupakan kakitangan akademik Universiti Malaya.
- 5.1.5 Bagi staf akademik yang mempunyai geran UMRG yang aktif tetapi telah mendapat tawaran untuk bercuti sabbatical atau cuti belajar, penurunan kuasa sebagai PI **MESTILAH** diberikan kepada Penyelidik Bersama yang masih aktif dalam perkhidmatan sehingga geran UMRG tersebut tamat.

- 5.1.6 Penurunan kuasa sebagai PI mestilah diberikan kepada penyelidik bersama yang masih aktif dalam perkhidmatan dalam kes seperti berikut:
- a) Cuti belajar
 - b) Cuti sabatikal
 - c) Cuti bersalin
 - d) Tamat perkhidmatan di Universiti Malaya
- PI adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak kluster dalam urusan penurunan kuasa.

- 5.1.7 Kategori yang **TIDAK LAYAK** memohon:

- a) Tutor
- b) Felo Penyelidik SLAB/SLAI
- c) Profesor Adjung
- d) Pasca Doktoral
- e) Pegawai Penyelidik
- f) Staf akademik yang sedang cuti belajar luar Negara
(kelayakan tertakluk kepada kelulusan panel penilai kluster)

5.2 Syarat Khusus

Kriteria	UMRG (Projek)	UMRG (Program)
Kelayakan Pemohon	Penyelidik Utama (PI) adalah merupakan Ahli Kluster Penyelidikan yang berdaftar	Ketua Program (KP) dan Ketua Sub-Program (KSP) adalah ahli berdaftar secara rasmi di bawah Kluster Penyelidikan yang telah menunjukkan prestasi penyelidikan yang memuaskan
Bilangan minimum subprogram	-	3
Siling	<p>Bagi Bidang Sains:</p> <p>Sehingga RM 60,000 / tahun</p> <p>Bagi Bidang Sains Sosial:</p> <p>Sehingga RM 40,000/ tahun</p>	<p>Bagi Bidang Sains:</p> <p>Sehingga RM 1 juta/ program*</p> <p>Bagi Bidang Sains Sosial:</p> <p>Sehingga RM 500,000.00/ program*</p> <p>*Tertakluk kepada peruntukan diterima kluster bagi tahun tersebut</p>
Tempoh Projek	12-24 bulan	24-36 bulan
Bidang Penyelidikan	Satu atau gabungan dua/ lebih disiplin	Multi/ inter – disiplin
Kolaborasi Penyelidikan	Digalakkan menjalin kolaborasi dengan entiti penyelidikan di peringkat nasional atau antarabangsa.	

6. Pencapaian/ Hasil Penyelidikan

Pencapaian atau hasil penyelidikan mestilah memenuhi kriteria seperti berikut:

PERKARA	UMRG (Projek)	UMRG (Program)
Penerbitan	<p>Bagi Bidang Sains</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sehingga RM 60,000 = Sekurang-kurangnya SATU (1) artikel ISI Tier Q2 bagi setiap projek • Sehingga RM 50,000 = Sekurang-kurangnya SATU (1) artikel ISI Tier Q3 bagi setiap projek <p>Bagi Bidang Sains Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sehingga RM 40,000 = Setiap projek mesti menghasilkan sekurang-kurangnya SATU (1) artikel ISI/ DUA (2) bab buku terbitan antarabangsa/ DUA (2) artikel jurnal berwasit seperti yang diluluskan oleh Fakulti. 	<p>Untuk setiap RM 50,000:</p> <p>Menghasilkan sekurang-kurangnya SATU (1) penerbitan yang diindekskan dalam Jurnal ISI</p> <p>Bagi bidang Sains:</p> <p>Sekurang-kurangnya 20% artikel ISI adalah Tier Q2 dan selanjutnya sekurang-kurangnya Tier Q4</p>
	<p>Penerbitan dalam EMPAT (4) penerbit jurnal yang tidak diiktiraf oleh MyRA II seperti berikut TIDAK diambil kira sebagai hasil penyelidikan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. European Journal 2. Academic Journal 3. CG Publishing 4. African World Press 	

PERKARA	UMRG (Projek)	UMRG (Program)
Modal Insan (Pelajar PhD dan Sarjana)	Menyelia sekurang-kurangnya 1 pelajar Sarjana	Untuk setiap RM 250,000 : Menyelia 1 pelajar PhD/ 2 pelajar Sarjana bagi program 36 bulan Menyelia 1 pelajar Sarjana bagi program 24 bulan
Hak Harta Intelek (IPR)	Menggalakkan hasil penyelidikan yang berpotensi didaftarkan sebagai Harta Intelek dan mempunyai nilai komersil	Untuk setiap RM300,000 : Sekurang-kurangnya 1 Harta Intelek difailkan
Kolaborasi Penyelidikan (MOA)	Digalakkan menjalin kolaborasi dengan pusat penyelidikan yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.	Sekurang-kurangnya 1 MoA ditandatangani bagi setiap program
Index UMMIS	Tidak berkenaan	Index UMMIS bagi setiap program mesti mencapai skor >80 (tertakluk kepada pusat penyelidikan yang telah diluluskan oleh senat)
Dana/ Tajaan Penyelidikan Luar	Perlu mengemukakan bukti permohonan geran luar seperti MOHE, MOSTI atau geran antarabangsa.	Perlu mengemukakan bukti geran luar seperti MOHE, MOSTI atau geran antarabangsa untuk permohonan seterusnya: ≥ RM 200,000.00 (Sains), ≥ RM50,000.00 (Sains Sosial)

Nota

Bagi UMRG Projek, PI yang gagal memberi hasil penyelidikan yang disyaratkan seperti di atas tidak akan dipertimbangkan permohonan baru dan agihan peruntukan tahun seterusnya.

7. Format Penulisan Kertas Konsep UMRG (Program)

Kertas konsep yang dikemukakan hendaklah **tidak melebihi 4 muka surat dan** merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

7.1 Latar Belakang dan Rasional Kertas Konsep

Menyediakan kertas konsep yang bersifat teori/asas saintifik untuk mengukuhkan kertas konsep program penyelidikan. Program penyelidikan yang dikemukakan harus menjawab kepada persoalan-persoalan mengenai penyelidikan yang bersifat fundamental dan translasi.

7.2 Deskripsi Program Penyelidikan

Menyediakan rangka pelan pelaksanaan program penyelidikan. Nyatakan secara ringkas mengenai subprogram dan saling-kait dengan program utama. Senaraikan nama penyelidik dan institusi serta peranan mereka dalam melaksanakan program/subprogram.

7.3 Kaedah Penyelidikan dan Ringkasan Bajet

Tunjukkan kaedah penyelidikan/teknik yang akan digunakan. Tunjukkan bagaimana kaedah yang dipilih boleh menghasilkan data yang berkualiti dengan mengambil kira kebolehpercayaan dan kesahihan data. Ringkasan bajet termasuk pecahan bagi gaji & upahan, bekalan & bahan penyelidikan, perjalanan, peralatan dll.

7.4 Bukti Prestasi Penyelidikan (*track record*) Kumpulan Penyelidik


Nyatakan *b-index* (bagi bidang sains) dan jumlah penerbitan untuk lima (5) tahun yang terkini bagi Ketua Program (KP) dan Ketua Sub-Program (KSP) serta senarai 10 penerbitan terkini yang dihasilkan bagi keseluruhan program.

7.5 Jangkaan Hasil/Output

Nyatakan jangkaan sumbangan hasil penyelidikan kepada kecemerlangan pusat penyelidikan / pembangunan pengetahuan saintifik / pembangunan sosial.

8. Mekanisma Agihan Peruntukan UMRG (Program)

Pemohon yang berjaya perlu menandatangani Akujanji sebelum geran diaktifkan. Setiap Ketua Sub-Program (KSP) mempunyai akaun dan jumlah peruntukan adalah bergantung kepada persetujuan bersama bagi pusat/kumpulan/makmal penyelidikan tersebut:



Nota

Ketua Program (KP) bertanggungjawab untuk memantau perkembangan keseluruhan projek penyelidikan termasuk kesemua *sub-program* di bawahnya.

KP juga bertanggungjawab memastikan hasil penyelidikan yang dijanjikan dapat dicapai.

KSP bertanggungjawab ke atas akaun yang dibuka di bawah *sub-program* seliaannya dan melaporkan perkembangan projek kepada KP.

5% daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan boleh dipindahkan ke Akaun OPEX CoR bagi tujuan pengurusan.

Bagi pusat/kumpulan/makmal penyelidikan, 5% peruntukan bagi tujuan pengurusan boleh dimasukkan ke akaun geran KP.

9. Pecahan Peruntukan

9.1 **Vot 11000 Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik**

Upah dan elaun kakitangan kontrak dan sementara yang terlibat dalam penyelidikan. Hanya dua (2) orang kakitangan kontrak atau sementara sahaja yang dibenarkan untuk diupah dalam satu projek/ sub-program.

Siling gaji dan upahan adalah tertakluk kepada **Garis Panduan Mengenai Pengambilan dan Pelantikan Penyelidik Kanan/ Penyelidik/ Penolong Penyelidik/ Penolong Projek/ Pembantu Penyelidik** yang ditetapkan oleh Universiti Malaya.

9.2 **Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan**

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan untuk kerja lapangan **SAHAJA**.

Dokumen yang diperlukan setiap kali kerja lapangan ialah:

- a) Sokongan daripada ketua jabatan / dekan fakulti
- b) Justifikasi kerja lapangan
- c) Jadual aktiviti kerja
- d) Surat jemputan dari institusi (jika berkaitan)

Borang permohonan menjalankan kerja lapangan haruslah dihantar selewat-lewatnya 15 hari bekerja sebelum tempoh perjalanan.

Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan kerja lapangan tidak boleh melebihi 20% (bidang Sains) dan 40% (bidang Sains Sosial) daripada jumlah kelulusan peruntukan tahun semasa.

Bagi menghadiri persidangan, penyelidik boleh memohon daripada “**Tabung Persidangan**” satu (1) bulan sebelum persidangan tersebut hendak dihadiri.

Borang permohonan menghadiri persidangan hendaklah dikemukakan kepada IPPP, melalui Kluster Penyelidikan. Sila rujuk garis panduan permohonan Tabung Persidangan di laman web UMRsearch.

9.3 **Vot 24000 Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk ruang penyelidikan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen.

9.4 Vot 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Pembelian bekalan melebihi RM 10,000.00 perlu melalui sistem perolehan, dan mestilah memohon kelulusan kluster.

9.5 Vot 28000 Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

9.6 Vot 29000 Perkhidmatan

Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium bagi perkhidmatan profesional/ konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Perkhidmatan Profesional / Konsultasi

- a) Perlu mendapat kelulusan daripada dekan kluster terlebih dahulu.
- b) Perlu merujuk kepada garis panduan pembayaran yang telah ditetapkan oleh bendahari.

Garis Panduan pembayaran Honorarium (penolong penyelidik)

- a) Honorarium tidak boleh dibayar **melebihi 3 bulan berturut-turut**.
- b) Bayaran honorarium yang **melebihi RM 500.00** tidak boleh dibayar secara tunai (*reimbursement*).
- c) Surat pelantikan sebagai pembantu penyelidik sementara daripada ketua penyelidik/ ketua jabatan diperlukan untuk tujuan pembayaran.

Bayaran Honorarium (responden / subjek)

- a) Klinikal: RM 50.00 (max) / setiap sesi
- b) Bukan klinikal: RM 5.00 – RM 20.00 / setiap sesi

Perkhidmatan Khas/ Belanja Pakai Habis

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (dalam negeri sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik- teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah di antara 3 minggu hingga kurang daripada 3 bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 10% dari peruntukan Geran.

Bagi kos penerbitan (*page charge*), penyelidik boleh memohon daripada “**Tabung Page Charge**” IPPP. Sila rujuk garis panduan Page Charge di laman web UMRsearch.

9.7 Vot 35000 Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan.

Tidak melebihi 40% daripada jumlah kelulusan peruntukan tahun semasa.

Pemohon perlu mengemukakan senarai dan justifikasi alat yang dipohon.

Dokumen yang diperlukan untuk permohonan kelulusan peralatan:

- a) Sokongan daripada ketua jabatan / dekan fakulti
- b) Justifikasi peralatan yang dipohon
- c) Sebut harga
- d) Surat pengecualian *e-procurement* (jika berkaitan)

Nota

Penyelidik tidak dibenarkan membeli gajet seperti iPad, Samsung Galaxy Tab, telefon bimbit dan peralatan yang seumpama dengannya. Kelulusan tertakluk kepada justifikasi yang diberikan kepada Dekan Kluster.

Penyelidik hanya dibenarkan membeli SATU (1) unit komputer/komputer riba/pencetak dalam tempoh 3 tahun.

Peralatan melebihi RM 50.00 perlu *ditag*, dan inventori peralatan di bawah tanggungjawab PTj yang menguruskan urusan kewangan dan perolehan.

Semua peralatan perlu dikembalikan kepada jabatan selepas projek tamat/penyelidik letak jawatan/ tamat perkhidmatan dari Universiti Malaya.

10. Nota Penting

10.1 Sebarang pembelian/tuntutan perjalanan MESTI mendapatkan kelulusan daripada Dekan Kluster Penyelidikan terlebih dahulu.

10.2 Pembelian/tuntutan perjalanan tanpa kelulusan Dekan Kluster Penyelidikan adalah di bawah tanggungan penyelidik. Pihak Kluster berhak MENOLAK tuntutan bayaran balik sekiranya dibuat selepas pulang daripada menjalankan penyelidikan luar atau selepas sebarang pembelian dibuat.

10.3 Pelanjutan Geran Penyelidikan

Permohonan perlu dikemukakan kepada pihak kluster **satu (1) bulan** sebelum tarikh tamat projek.

Dokumen yang diperlukan:

- a) Sokongan daripada ketua jabatan / dekan fakulti
- b) Justifikasi pelanjutan
- c) Laporan kemajuan terkini berserta dengan gantt chart & lampiran perbelanjaan daripada sistem *e-finance*

10.4 Pindaan Pecahan / Agihan Peruntukan

Dokumen yang diperlukan untuk permohonan pindaan agihan peruntukan:

- a) Sokongan daripada ketua jabatan / dekan fakulti
- b) Justifikasi pindaan agihan
- c) Lampiran kewangan *e-finance*

10.5 Kelulusan bagi setiap vote adalah tertakluk kepada pertimbangan Dekan Kluster.